

BILAH pengelap cermin memerlukan penjagaan yang sama seperti komponen kenderaan yang lain berikutan ia perlu diganti dalam tempoh enam atau 12 bulan sekali. Walaupun komponen ini kelihatan berada dalam keadaan sempurna, namun apabila didapati keadaannya mulai retak, terbelah, koyak atau reput, tiba masanya ia perlu diganti segera.

Penjagaan bilah dengan sempurna menjamin penglihatan yang baik terutama dalam perjalanan pada musim hujan. Tanda awal bilah pengelap kenderaan anda perlu diganti ialah apabila ia menghasilkan bunyi, berjalur atau gagal mengelap dengan bersih. Kesan bunyi pada getah berpunca daripada struktur getah mengembang berikutan kesan haba.

Komponen yang sering diabaikan oleh sebilangan besar pemandu ini tidak tahan selama-lamanya. Ia perlu ditukar mengikut keperluan. Bilah yang diperbuat daripada getah asli ini akan mengalami keretakan, dan gagal mengelap dengan bersih pada permukaan cermin depan atau belakang kenderaan anda. Diperbuat daripada gantian halogen yang dikeraskan kurang lasak berbanding getah daripada gantian sintetik yang lebih tahan lama.

Faktor persekitaran turut mempengaruhi usia bilah pengelap tadi. Mutu getah susut berikutan kesan iklim seperti terdedah pada cahaya matahari dan ozon hingga menyebabkan kekuatannya mengelap menurun. Keberkesanan bilah itu boleh diuji dengan mencuci cermin kereta anda.

Jika bilahnya tidak elok, anda akan dapat melihat kelemahannya apabila ia tidak berfungsi dengan sempurna. Kaedah sedemikian memberi peluang kepada anda untuk memeriksa sistem pencuci cermin kereta.

Melalui ujian ini juga, anda dapat memastikan



USAH ABAI BILAH PENGELAP CERMIN

B/H 22/5/12 MS 1

pemancut pada sistem pencuci berfungsi dengan sempurna atau muncungnya tersumbat. Masalah mungkin disebabkan oleh kotoran, kusut atau longgar. Faktor lain yang menjejaskan pengelap cermin anda.

Sejauh mana keberkesanan pengelap cermin kereta bergantung kepada keadaan lengan dan pemegang pengelap itu. Keupayaan bilah serta reka bentuk bilah itu sendiri. Jika spring pada lengan lemah, (berkemungkinan berlaku pada kereta lama) pengelap ini mungkin tidak tertekan pada cermin dengan kuat untuk mengelap dengan bersih.

Menggantikan bilah tidak akan membawa perubahan kerana ia berlaku akibat kelemahan lengan, bukannya

bilah yang rosak. Jika bilah ditarik dari cermin dengan sedikit sahaja halangan, tiba masanya anda menukar lengan pengelap cermin.

Jika lengan itu tidak memenuhi spesifikasi ia perlu diganti. Lengan pengelap cermin di bahagian belakang sering mengalami kerosakan kerana pengelap cermin kereta belakang sering rosak terkena pengguling cuci kereta pandu masuk.

Tekanan angin adalah satu lagi faktor yang mengganggu tindakan mengelap yang sempurna di had kelajuan memandu di lebuh raya. Kebanyakan cermin kereta depan mempunyai cerun yang curam untuk mempertingkatkan



aerodinamik. Namun, keadaan itu mempunyai ruang yang menghalang lebih banyak angin pada pengelap.

Sesetengah bilah mempunyai lubang serta lapisan angin yang direka khusus meminimumkan pengangkutan dan menjana pergerakan ke bawah untuk mengelakan bilah melekat secara berterusan pada cermin kereta apabila kadar kelajuan meningkat.

Jika pemegang bilah peralatan asal anda perlu diganti, pastikan penggantian itu menyediakan rekabentuk anti pengangkat angin. Satu lagi faktor yang harus diberi perhatian ialah pemegang

bilah. Ia berfungsi sebagai penyebar tekanan bagi membolehkan bilah itu mengembang apabila mengikut perubahan lengkungan cermin itu.

Pemegang bilah berkualiti mempunyai enam hingga lapan pencengkam yang mampu menyebarkan tekanan lengan pengelap sepanjang bilah. Menggantikan sendiri bilah lebih mudah dan menjimatkan.

Ia dijual pada saiz adapter supaya muat dengan lengan pengelap cermin kereta anda. Bilah pengelap yang lama menarik dan menolak lengan dengan menekan butang atau pin terlepas pada pemegang pengelap.

Jika anda menukar bilah sahaja dengan satu pengisi, bilah lama boleh ditanggalkan dengan menekan tag pengunci di hujung bilah supaya ia tertanggal keluar bagi pemegangnya.

Pastikan bilah pengganti itu sama panjangnya dan mempunyai kelebaran pencengkam sama dengan komponen asalnya. Bilah yang terlalu panjang boleh menimbulkan masalah gangguan sementara bilah yang terlalu pendek mungkin tidak muat pada pemegang.